

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 Mei 2001

SOALAN

YB Puan Hajah Kamilah Binti Ibrahim minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan : a) Sejauhmanakah Kementerian itu telah mula beroperasi; dan b) Apakah topik yang menjadi tumpuannya dan sejauh mana ia dapat bekerjasama dengan Kementerian-kementerian yang lain untuk kepentingan wanita;

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah ditubuhkan dengan dua agensi diletakkan di bawahnya, iaitu Jabatan Hal Ehwal Wanita serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Agensi ini telah meneruskan aktiviti yang sedia ada. Sementara itu, Kementerian telah merangka satu pelan strategik yang menetapkan hala tujunya serta dua agensi berkenaan. Wawasan atau dengan izin, 'vision' Kementerian ini adalah untuk mencapai kesaksamaan gender serta institusi keluarga yang kukuh ke arah pembentukan sebuah negara maju. Sehubungan itu, misi Kementerian ini adalah untuk memperdanakan wanita dalam pembangunan negara dan memperkuat sistem kekeluargaan bagi melahirkan generasi penduduk berkualiti. Wawasan serta kenyataan misi yang digubal ini mencerminkan perkara yang diberi tumpuan oleh Kementerian. Sebagai sebuah agensi Kerajaan, Kementerian ini akan terus menjalinkan kerjasama dengan agensi lain untuk melaksanakan agenda pembangunan negara. Kementerian ini yakin akan mendapat segala sokongan dan kerjasama dalam melaksanakan tugasnya.

